

Shafie layak ketuai gabungan baharu pembangkang

Kuala Lumpur: Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dilihat sebagai calon berkecayaan mengetuai gabungan besar baharu parti pembangkang.

Penganalisis politik, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata bekas Ketua Menteri Sabah itu memiliki kriteria memimpin gabungan terbabit jika semua parti pembangkang berhasrat mengadakan kerjasama baharu untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Katanya, amat penting gabungan pembangkang memiliki pemimpin mempunyai banyak pengalaman mentadbir berbanding mereka yang hanya pandai berkata-kata dan retorik semata-mata.

"Saya melihat Mohd Shafie sebagai individu yang boleh memimpin gabungan besar parti pembangkang pada pilihan raya umum (PRU) akan datang kerana beliau memiliki pengalaman yang banyak pada peringkat per-

sekutuan mahupun negeri.

"Jika kita imbau ketika krisis jawatan Perdana Menteri pada awal tahun ini, (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir (Mohamad) sendiri menamakan Mohd Shafie sebagai calon Perdana Menteri jika pembangkang berjaya mendapat majoriti untuk menubuhkan kerajaan.

"Jika gabungan besar baharu pembangkang itu sekadar memilih pemimpin yang kaki retorik, gabungan itu berkemungkinan besar akan menjadi seperti kerajaan Pakatan Harapan (PH) terdahulu," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mohd Izani yang juga Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagaimanapun tidak menafikan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih memiliki sokongan untuk memimpin gabungan pembangkang.

Katanya, apa yang menjadi

persoalan ketika ini adalah siapa yang akan menggantikan posisi pemimpin utama gabungan pembangkang selepas Anwar.

"Sebab itu saya katakan, selepas Anwar, DAP dilihat memiliki calon yang sesuai sebagai ketua gabungan pembangkang namun senario politik di Malaysia berbeza kerana sentimen Melayu itu masih menebal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf Teknologi dan Media Universiti Teknologi MARA (UiTM), Datuk Prof Dr Ismail Sualman, berkata pemilihan siapa yang akan memimpin gabungan itu tidak menjadi perkara utama ketika ini kerana parti pembangkang harus bersetuju terlebih dahulu untuk menjadi satu gabungan besar.

Katanya, jika gabungan besar itu berjaya dibentuk, siapa pemimpin yang akan dipilih boleh dibincangkan dan dicalonkan dalam Majlis Presiden.

"Politik Malaysia ini bersifat dinamik sebab tiada lagi istilah



Mohd Izani Mohd Zain

'totok' dengan pegangan dan parti. Hari ini berseteru, esok boleh menjadi rakan.

"Jika dilihat di atas kertas, Mohd Shafie adalah calon layak untuk memimpin gabungan baharu pembangkang itu. Namun, jika beliau gagal membawa perubahan kepada gabungan itu pada PRU akan datang, beliau juga akan ditolak," katanya.

Dalam perkembangan sama, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu menegaskan partinya akan terus memperjuangkan isu gabungan besar dalam parti pembangkang untuk menguasai semula kerajaan.

Beliau berkata, parti itu perlu meramaikan 'sahabat' dan mengurangkan lawan bagi memas-



Ismail Sualman

tikan pakatan pembangkang memperoleh majoriti untuk mentadbir negara.

"Kita akan terus memperjuangkan soal gabungan (besar pembangkang), kita mesti ramaikan kawan dan kurangkan musuh. Namun, 'kawan' ini mesti ada prinsip keadilan kepada semua dan integriti serta keupayaan untuk membentuk kerajaan lebih baik jika kita dapat menguasainya semula.

"Sebab itu peranan (AMANAH), kita mesti ramaikan kawan dan kurangkan lawan, barulah kita dapat sokongan majoriti," katanya ketika berucap menyempurnakan majlis perasmian Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan kali ke-5 di sini, semalam.